



KEMENTERIAN
DALAM NEGERI

e-BERITA

"Keselamatan Tanggungjawab Bersama"



Kementerian Dalam Negeri (KDN)

@KDNPU/BALAKA

kemeteriandalamnegeri

Kementerian Dalam Negeri KDN

@EABERITA/DALAMNEGERI



MESYUARAT JAWATANKUASA BERTINDAK PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG (JPU) AADK

12 November 2018 | YB Tan Sri Haji Muhyiddin Haji Mohd Yassin, Menteri Dalam Negeri telah mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Bertindak Penguatkuasaan Undang-undang (JPU) Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) di Kementerian Dalam Negeri, Putrajaya. Turut sama dalam mesyuarat ini ialah YB Anthony Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan. Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat tersebut berkata bahawa penyalahgunaan ketum jelas membawa kesan bahaya kepada pengguna walaupun ia tidak dikategorikan sebagai dadah berbahaya. Tambah beliau, KDN tidak akan membiarkan penyalahgunaan ketum itu berleluasa memandangkan banyak tangkapan berkaitan penyeludupan ketum dilaporkan setakat ini.

Mengikut peruntukan undang-undang sedia ada, bahan mitragynine yang terkandung dalam pokok ketum adalah tersenarai dalam Jadual 3, Bahan Psikoterapik Akta Racun 1952, malah bahan berkenaan dikawal di bawah Seksyen 30, Akta Racun 1952 iaitu pengawal import, eksport, pembuatan, penjualan dan lain-lain.





KEMENTERIAN
DALAM NEGERI

e-BERITA

"Keselamatan Tanggungjawab Bersama"



Kementerian Dalam Negeri (KDN)

@KDN/BERITA

kemnterdalamnegeri

Kementerian Dalam Negeri (KDN)

#eBERITA#DALAMNEGERI

INTIPATI KENYATAAN MEDIA YB TAN SRI MUHYIDDIN YASIN MENTERI DALAM NEGERI | 28 NOVEMBER 2018



“

Saya telah mengarahkan pihak polis supaya mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang melanggar undang-undang berhubung insiden ini. Ini termasuk mereka yang membuat kenyataan berbaur perkauman yang bersifat provokatif, menyebarkan berita palsu yang berunsur fitnah dan hasutan serta menganjurkan perhimpunan-perhimpunan untuk membakar sentimen kaum.

“

Saya ingin menegaskan bahawa insiden pergaduhan di Kuil Sri Maha Mariamman tiada kaitan sama sekali dengan isu perkauman. Masyarakat pelbagai kaum di Malaysia telah hidup secara aman dan harmoni sejak sekian lama.

”





KEMENTERIAN
DALAM NEGERI

e-BERITA

"Keselamatan Tanggungjawab Bersama"



Kementerian Dalam Negeri (KDN)

@KDN/BERITA

kemendalamnegeri

Kementerian Dalam Negeri (KDN)

#EABERITADALAMNEGERI

UJIAN KEMAHIRAN MENEMBAK PDRM KONTINJEN SABAH

3 November 2018 | TYT Tun Datuk Seri Panglima (Dr.) Haji Juhar bin Datuk Haji Mahiruddin, Yang di-Pertua Negeri Sabah telah menghadiri Ujian Kemahiran Menembak PDRM Kontinjen Sabah dan disambut oleh YB Datuk Mohd Aziz bin Jamman, Timbalan Menteri Dalam Negeri. Turut hadir di program ini ialah Pesuruhjaya Polis Sabah Datuk Omar Mammah.



MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN TAKLIMAT PENGENALAN RELA 2018

18 November 2018 | YB Datuk Mohd Azis bin Jamman, Timbalan Menteri Dalam Negeri telah menyempurnakan Majlis Perasmian Penutupan Taklimat Pengenalan RELA Siri 1 hingga 3 2018 Peringkat Bandaraya Kota Kinabalu, Sabah.

"Pasukan RELA telah terbukti sebagai sebuah pasukan yang mampu bersama-sama di barisan hadapan menjaga kedaulatan negeri khususnya di kawasan kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (Esscom)," ujarnya.

Katanya lagi, pasukan RELA adalah satu unit yang sentiasa berada dan bercampur dengan rakyat seterusnya mampu menangani masalah pengganas dan pendatang tanpa izin (PATI) yang kini tinggal bersama dalam masyarakat.

"Maknanya kita perlukan satu unit yang sentiasa berada dan bercampur dengan masyarakat. Saya tidak nampak agensi lain yang sentiasa duduk rapat dengan orang-orang kampung melainkan ahli-ahli RELA ini. Oleh sebab itu, latihan-latihan yang diberikan oleh pasukan RELA juga perlu selaras dan mengikut peredaran zaman yang ada pada masa ini," katanya.





KEMENTERIAN
DALAM NEGERI

e-BERITA

"Keselamatan Tanggungjawab Bersama"



Kementerian Dalam Negeri (KDN)

@KEMPU/BALAKA

kemeteriandalamnegeri

Kementerian Dalam Negeri (KDN)

#KEMDIDALAMNEGERI

KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS YB DATUK MOHD AZIS BIN JAMMAN, TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI OLEH MR. AMRIN AMIN PARLIAMENTARY SECRETARY, MINISTRY OF HOME AFFAIRS SINGAPORE | 14 NOVEMBER 2018



KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS YB DATUK MOHD AZIS BIN JAMMAN, TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI OLEH MR. MARCUS PHILL HOMELAND SECURITY INVESTIGATIONS (HSI), IMMIGRATION AND CUSTOMS ENFORCEMENT U.S EMBASSY. | 23 NOVEMBER 2018



MESYUARAT KETUA-KETUA INSTITUSI JABATAN PENJARA MALAYSIA BIL. 2/2018

3 November 2018 | YBhg. Dato' Seri Alwi Hj. Ibrahim, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah menyempurnakan Mesyuarat Ketua-Ketua Institusi Jabatan Penjara Malaysia Bil. 2/2018 yang berlangsung di Kompleks Ibu Pejabat Jabatan Penjara Malaysia

YBhg. Dato' Seri Alwi Hj. Ibrahim telah disambut YBhg. Dato' Sri Hj Zulkifli Omar, Ketua Pengarah Jabatan Penjara Malaysia dan YBhg. Datuk Che Murad Sayang Ramjan, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KDN.

Dalam majlis tersebut, YBhg. Dato' Seri Alwi Hj. Ibrahim turut menyampaikan Pingat Perkhidmatan Setia, Pingat Komisioner Jeneral Penjara Kelas Pertama, Pingat Komisioner Jeneral Penjara Kelas Kedua, Pingat Jasa Penjara, Pingat Setia Penjara dan Pingat Cemerlang Penjara kepada pegawai/anggota jabatan yang dipilih.



SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT KEBANGSAAN 1440H

20 November 2018 | YBhg. Dato' Seri Alwi bin Hj. Ibrahim, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (KDN) bersama warga KDN menghadiri Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan 1440H di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Dengan bertemakan "Menyantuni Umat Membawa Rahmat", majlis telah diserikan dengan keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Redzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, Timbalan Yang Di-Pertuan Agong Dan Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim telah berkenan berangkat menyempurnakan majlis tersebut.

Majlis sambutan ini turut dihadiri lebih 5,000 peserta termasuk kakitangan kerajaan, badan berkanun, pertubuhan swasta, golongan pelajar, badan bukan kerajaan (NGO) dan orang ramai.

Pada majlis ini juga, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Redzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, Timbalan Yang Di-Pertuan Agong telah berkenan menyampaikan anugerah Maulidur Rasul SAW kepada lima orang penerima.



SESI PENYERAHAN NOTA SERAH TUGAS TKSU (P)

16 November 2018 | Setelah 18 tahun berkhidmat di Kementerian Dalam Negeri, hari ini berlangsungnya Sesi Penyerahan Nota Serah Tugas oleh YBhg. Datuk Che Murad Sayang bin Ramjan, Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) (Pengurusan) yang disaksikan oleh YBhg. Dato' Sri Nadzri Siron, TKSU (Keselamatan) dan YBhg. Dato' Indera Khairul Dzaimie Bin Daud, TKSU (Dasar & Kawalan) di Bilik Sidang Media, Aras 11 Blok D1.

YBhg. Datuk Che Murad Sayang bin Ramjan yang akan memulakan tugas di Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Warga KDN merakamkan ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih atas sumbangan bakti YBhg. Datuk Che Murad Sayang bin Ramjan membantu kecemerlangan KDN.





KEMENTERIAN
DALAM NEGERI

e-BERITA

"Keselamatan Tanggungjawab Bersama"



Kementerian Dalam Negeri (KDN)

(KEMPU) BAKARA

komunikasi@kdn.gov.my

Kementerian Dalam Negeri (KDN)

(KEMPU) BAKARA

**KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS YBHG. DATO' INDERA KHAIRUL
DZAIMEE BIN DAUD, TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (DASAR &
KAWALAN) OLEH H.E MARK CLARK, THE DIRECTOR OF THE USA
| 1 NOVEMBER 2018**



**KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS YBHG. DATO' INDERA KHAIRUL
DZAIMEE BIN DAUD, TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA
(DASAR & KAWALAN) OLEH H.E MICHAEL GROWDER DEPUTY
HIGH COMMISSIONER OF AUSTRALIA | 14 NOVEMBER 2018**

